



UPM Jana Kejayaan Modal Insan Berkualiti



Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek menyampaikan ijazah kepada para graduan Konvokesyen UPM kali ke-32.

SERDANG, 19 Okt – Penarafan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai sebuah Universiti Penyelidikan adalah satu amanah dan tanggungjawab besar kepada warga universiti untuk menjaga kejayaan modal insan yang berkualiti.

Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek berkata hala tuju penyelidikan penyelidikan pada masa kini menuntut universiti untuk memahami faktor kritikal penentu kejayaan sesebuah projek penyelidikan.

"Minda intelek yang dimiliki perlu diperluaskan kepada ruang yang lebih universal bagi membawa manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh.

"Universiti memastikan programnya mencapai objektif untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat dengan menggabungkan kepakaran universiti dengan input daripada masyarakat dan industri, serta disokong oleh agensi kerajaan seperti MARDI, FAMA dan Jabatan Pertanian," katanya.

Beliau berharap semua pihak yang terlibat termasuk universiti, media dan industri harus berperanan secara aktif untuk menjayakan program yang memberi manfaat kepada masyarakat.

"Berikanlah khidmat bakti dengan cemerlang dan penuh ikhlas di mana saja anda berada sebagai tanda terima kasih dan penghargaan di atas pengorbanan semua pihak yang terlibat untuk melahirkan modal insan," kata Lim ketika memberi ucapan di Majlis Konvokesyen Ke-32 UPM pada sesi tiga di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Beliau berkata UPM berupaya untuk menjadi institusi penting sebagai pemacu pembangunan tamadun negara.

"Saya yakin kesediaan UPM untuk bersaing di pentas antarabangsa berdasarkan kepada pencapaian semasa yang mencerminkan kekuatan institusi ini di arena pendidikan tinggi," katanya.

Sementara itu, Pro-Canselor UPM Tan Sri Dato' Rozali Ismail berkata persaingan pasaran kerjaya pada masa kini bukan sekadar persaingan dalam negara tetapi kepada pasaran kerjaya yang lebih terbuka.

"Arena globalisasi menjadikan persaingan lebih kompetitif justeru nilai kebolehpasaran (marketability) graduan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa supaya kita menyediakan modal insan yang dinamik sebagai pesaing global yang lebih kompetitif di arena antarabangsa," katanya ketika memberi ucapan pada sesi empat konvokesyen.

Kata Rozali, pelbagai usaha telah dilakukan oleh universiti untuk merealisasikan hasrat dengan pementapan kurikulum pengajaran dan aktiviti kokurikulum.

Beliau berkata, penggunaan teknologi dalam pendidikan di UPM juga begitu luas sehingga UPM muncul sebagai komuniti pengguna ICT terbesar di Malaysia dan keempat di Asia di kalangan Institusi Pengajaran Tinggi.

Katanya, kecemerlangan graduan dalam akademik mestilah turut ditambah dengan nilai kemahiran insaniah (soft skills) bagi melahirkan modal insan kelas pertama yang seimbang.

Beliau menyentuh kejayaan yang telah dicapai oleh UPM seperti pemenang utama dua kategori dalam Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2008, Sekolah Pengajaran Siswazah Pengurusan UPM diiktiraf oleh kerajaan untuk menjadi 'Top Business School', Pengurusan Lembaga Pengarah UPM, Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Syed Jalludin Syed Salim telah dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Negara 2007 dan Prof. Madya Dr. Syed Omar Syed Rastan sebagai penerima Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk dalam Anugerah Akademik Negara 2007.

Rozali berkata seramai lima orang pelajar UPM telah mewakili negara ke Sukan Olimpik Beijing 2008 baru-baru ini manakala dalam Sukan SEA ke-24 di Korat, Thailand seramai 48 orang daripada atlet negara adalah pelajar UPM.

Pada sesi ketiga dan keempat majlis konvokesyen tersebut yang berlangsung pada 19 Oktober 2008, seramai 218 graduan dianugerahkan ijazah Sarjana, Bachelo 1112 dan Diploma seramai 250 orang.



Tan Sri Dato' Rozali Ismail menyampaikan ijazah kepada para graduan Konvokesyen UPM kali ke-32.

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

